

**GARIS PANDUAN PEMBACAAN AL-QURAN DALAM MAJLIS-MAJLIS  
YANG DIANJURKAN OLEH PIHAK ISTANA DAN KERAJAAN NEGERI  
SECARA RASMI DAN SEPARUH RASMI**

﴿ ٢٠٤ ﴾ وَإِذَا قُرِئَ الْقُرْآنُ فَاسْتَمِعُوا لَهُ وَأَنْصِتُوا لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

Terjemahan : *Dan apabila Al-Quran itu dibacakan, maka dengarlah akan ia serta diamlah (dengan sebulat-bulat ingatan untuk mendengarnya), supaya kamu beroleh rahmat.*

( Al A'raf : 204)

## **1. TUJUAN**

- 1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada pihak Pentadbiran Kerajaan Negeri Perak, pihak Istana serta pihak-pihak yang terlibat menganjurkan sesuatu Majlis Rasmi dan Majlis Separuh Rasmi.
- 1.2 Garis Panduan ini juga disediakan bagi menjunjung titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Nazrin Muizuddin Shah yang mahukan supaya sebarang majlis seboleh-bolehnya dimulakan dengan membaca beberapa petikan Al-Quran dan maksud ayat yang telah dibaca.

## **2. PENDAHULUAN**

- 2.1 Al-Quran adalah Kalam Allah yang suci dan merupakan *Mukjizat*<sup>1</sup> Agung yang telah diturunkan kepada Baginda Nabi SAW. Kandungannya sarat dengan panduan yang lengkap sebagai manual hidup manusia bagi meraih kebahagiaan hidup di dunia dan Akhirat. Pembacaan Al-Quran merupakan suatu *ibadat*<sup>2</sup> dan sebagai penanda aras hubungan hamba terhadap Allah S.W.T. Ayat pertama Surah Al 'Alaq ayat 1-3

---

<sup>1</sup> Perkara luar biasa yang berlaku dengan kekuasaan Allah SWT kepada para nabi dan rasul. Mukjizat merupakan suatu cara untuk membuktikan kebenaran kenabian dan kerasulan. ( Ensiklopedia Islam )

<sup>2</sup> Suatu perbuatan berbentuk pengabdian seorang hamba kepada Tuhannya, iaitu memperhambakan diri kepada Allah dengan mentaati dan melaksanakan segala perintah dan suruhan-Nya, serta menjauhi segala larangan-Nya kerana Allah semata-mata, baik dalam bentuk kepercayaan, perkataan, mahupun perbuatan. Orang yang beribadah sepatutnya berusaha melengkapkan dirinya dengan perasaan cinta, tunduk dan patuh kepada Allah SWT. ( Ensiklopedia Islam )

menampilkan sesuatu yang sangat penting dan berkaitan dengan kehidupan manusia iaitu budaya berfikir, mencari pengetahuan, memerhati dan sebagainya.

اقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ﴿١﴾ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ﴿٢﴾ اقْرَأْ وَرَبُّكَ الْأَكْرَمُ ﴿٣﴾

Terjemahan : *Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk) (1) Ia menciptakan manusia dari sebuku darah (2) Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah,(3)*

( Al Alaq : 1-3)

- 2.2 Sebagai satu ibadah yang diperakui oleh Syarak, pembacaan Al-Quran hendaklah dilakukan di tempat yang betul, masa yang sesuai dan suasana yang baik.
- 2.3 Garis Panduan Pembacaan Al-Quran ini adalah bagi pembacaan yang akan dilakukan dalam mana-mana majlis atau upacara rasmi atau separuh rasmi di negeri ini.

### 3. RASIONAL

- 3.1 Titah Duli Yang Maha Mulia supaya sebarang acara yang dianjurkan oleh Pihak Istana dan Kerajaan Negeri Perak seboleh-bolehnya dimulakan dengan bacaan Al-Quran amat relevan kerana situasi semasa memerlukan anjakan sedemikian. Ia selaras dengan konsep penerapan dan penghayatan nilai Islami terhadap penjawat awam dan organisasi.
- 3.2 Perlembagaan Persekutuan Perkara 3 (1) memperuntukkan bahawa agama Islam adalah Agama bagi Persekutuan. Oleh itu, amalan pembacaan Al-Quran dalam Majlis-majlis Rasmi dan Separuh Rasmi Kerajaan adalah suatu amalan yang suci dan murni sesuai dengan kedudukan agama Islam di negara ini.

#### **4. TAKRIFAN**

- 4.1. Majlis Rasmi. *“Majlis Rasmi adalah suatu majlis yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri”*.
- 4.2. Majlis Separuh Rasmi. *“Majlis Separuh Rasmi adalah majlis yang dianjurkan selain dari kerajaan tetapi dihadiri oleh para pembesar atau pemimpin negara, sama ada di peringkat negeri atau persekutuan (negara)”*.
- 4.3. Pembacaan Al-Quran. *“Pembacaan Kalam Allah SWT yang suci dari hamba (manusia) kepada Allah dengan hati yang ikhlas bertujuan meraih pertunjuk, rahmat, inayah (pertolongan) dan juga pahala dengan cara dan adab yang tertentu”*.

#### **5. TARAF PEMBACA AL-QURAN**

- 5.1 Pembaca Al-Quran bagi majlis di peringkat persekutuan atau negeri yang dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan, pembaca Al-Quran hendaklah dibaca oleh qari yang telah diiktiraf di peringkat antarabangsa dan negeri.
- 5.2 Pembaca Al-Quran bagi majlis diperingkat persekutuan atau negeri yang dihadiri oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak, pembaca Al-Quran hendaklah dibaca oleh qari yang telah diiktiraf diperingkat antarabangsa dan negeri.
- 5.3 Bagi majlis-majlis lain diperingkat negeri atau daerah atau mukim yang dihadiri oleh pembesar-pembesar negeri selain dari di atas, pembaca Al-Quran boleh dilantik daripada kalangan mereka yang berkelayakan di negeri atau daerah atau mukim terbabit, seperti mana kriteria di para 6 di bawah.
- 5.4 Bagi majlis-majlis lain di peringkat jabatan yang dihadiri oleh ketua-ketua jabatan dan pegawai kanan serta anggota, pembaca Al-Quran boleh dilantik daripada kalangan mereka yang berkelayakan di jabatan tersebut, seperti mana kriteria di para 6 di bawah.

## 6. KRITERIA PEMBACA AL-QURAN

- 6.1 Pembaca Al-Quran seelok-eloknya seorang lelaki dan *baligh*<sup>3</sup>, boleh membaca Al-Quran dengan tepat, fasih, *tartil*<sup>4</sup>, baik, bertajwid dan betul.
- 6.2 Pembaca Al-Quran seboleh-bolehnya individu yang mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik yang tidak dipertikai oleh pendengar dan masyarakat.
- 6.3 Pembaca Al-Quran mestilah mengetahui kesesuaian ayat yang dibaca bagi satu-satu majlis yang diadakan.

## 7. TATACARA DAN ADAB-ADAB KETIKA MAJLIS MEMBACA AL-QURAN

- 7.1 Pembaca Al-Quran hendaklah datang ke majlis lebih awal sebelum majlis dimulakan.
- 7.2 Pembaca Al-Quran hendaklah memastikan di mana tempat bacaan akan dilakukan.
- 7.3 Sebelum memulakan bacaan, pembaca Al-Quran hendaklah memberi salam dan tanda hormat kepada tetamu khas dan lain-lain tetamu yang hadir.
- 7.4 Pembaca Al-Quran hendaklah membawa dan memegang Al-Quran dengan penuh hormat dan takzim.
- 7.5 Seeloknya pembacaan Al-Quran diiringi dengan membaca tafsir bagi ayat tersebut bertujuan menyampaikan maksud bacaan kepada para pendengar.
- 7.6 Digalakkan memelihara adab-adab membaca Al-Quran seperti berikut :

### 7.6.1. Ikhlas membaca Al-Quran kerana Allah Ta'ala

---

<sup>3</sup> "*baligh*" ertinya umur baligh mengikut hukum syarak. ( Enakmen Keluarga Islam Perak (2004). Tanda Baligh (sampai umur) ada lima iaitu mimpi, tumbuh bulu, datang haid, mengandung dan cukup umur 15 tahun. Ada pendapat mengatakan 17 tahun. Abu Hanifah mengatakan 18 tahun. (Fiqh Dan Perundangan Islam, Jld I)

<sup>4</sup> Membaca al-Quran dengan betul segala bunyinya dan hukum bacaannya. (Mengelakkan bacaan al-Quran dengan menunaikan segala hukumnya) / Surah Al-Muzammil : 4 ( Ensiklopedia Islam)

- 7.6.2. Menghadirkan hati dan akal supaya boleh mentadabbur<sup>5</sup> ayat-ayat yang dibaca (mengkaji ayat-ayat al-Quran)
- 7.6.3. Membaca Isti'azah<sup>6</sup>
- 7.6.4. Membaca Basmalah<sup>7</sup>
- 7.6.5. Membaca dalam keadaan berwuduk
- 7.6.6. Membaca di tempat yang suci lagi bersih
- 7.6.7. Membersihkan mulut (bersugi) sebelum membaca Al-Quran
- 7.6.8. Memakai pakaian yang bersih lagi suci
- 7.6.9. Membaca dengan suara yang baik, lunak lagi merdu
- 7.6.10. Membaca dengan khusyuk, penuh penghormatan dan tawaduk (merendah diri)
- 7.6.11. Menghadap kiblat
- 7.6.12. Tidak diselangi dengan percakapan kecuali menjawab salam
- 7.6.13. Berselawat ke atas Nabi
- 7.6.14. Memohon kebajikan jika bertemu dengan ayat rahmat
- 7.6.15. Tidak membaca secara tergopoh-gapah
- 7.6.16. Menghormati azan (berhenti ketika mendengar azan dan menjawabnya)
- 7.6.17. Membaca tasdiq<sup>8</sup>

## 8. PAKAIAN

- 8.1 Pembaca Al-Quran hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian dengan majlis yang diadakan.
- 8.2 Jika memakai pakaian kebangsaan hendaklah lengkap bersampin dan bersongkok.

---

<sup>5</sup> Tadabbur - Adalah renungan yang cermat, dan percermatan ayat-ayat al-Quran untuk dapat memahami makna, hikmah, ataupun maksudnya.

<sup>6</sup> Istiazah ( أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ )

<sup>7</sup> Basmallah ( بِسْمِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ )

<sup>8</sup> Tasdiq ( صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمِ )

## **9. KANDUNGAN AYAT AL-QURAN**

- 9.1 Ayat Al-Quran yang akan dibaca seboleh-bolehnya mengandungi pernyataan dan maksud yang sesuai dengan tema majlis berkenaan.
- 9.2 Isi kandungan Al-Quran juga boleh diterjemah dalam Bahasa Melayu, Inggeris, Arab dan bahasa-bahasa lain, sesuai dengan hadirin dan majlis tersebut.

## **10. MASA PEMBACAAN AL QURAN**

- 10.1 Masa pembacaan Al-Quran bagi majlis rasmi atau separuh rasmi baik-baiknya pada permulaan majlis tersebut.
- 10.2 Tempoh masa untuk membaca Al-Quran seelok-eloknya tidak melebihi 5 minit.

## **11. TEMPAT PEMBACAAN AL QURAN**

- 11.1 Hendaklah di tempat perhimpunan yang bertujuan untuk kebaikan dan bersesuaian dengan ajaran Islam.
- 11.2 Tempat yang tidak mencemarkan kesucian agama Islam.
- 11.3 Penganjur hendaklah menyediakan tempat duduk yang sesuai untuk pembaca Al-Quran.
- 11.4 Tempat bacaan Al-Quran hendaklah di atas pentas (jika ada pentas).

## **12. MAJLIS YANG DIBOLEHKAN UNTUK PEMBACAAN AL-QURAN**

- 12.1 Majlis berbentuk anugerah kecemerlangan dan majlis kesyukuran
- 12.2 Majlis berbentuk Ilmiah, kerohanian dan motivasi
- 12.3 Majlis yang tidak mempunyai perkara-perkara yang melalaikan seperti nyanyian, tarian, bunyi-bunyian atau muzik yang tidak bermanfaat
- 12.4 Majlis yang tiada unsur-unsur khurafat dan yang boleh menggugat aqidah

### 13. MAJLIS YANG DITEGAH UNTUK BACAAN AL QURAN

- 12.1 Majlis berkenaan mengandungi unsur-unsur *maksiat*<sup>9</sup>, *khurafat*<sup>10</sup> dan aturcara yang bertentangan dengan syariat Islam.
- 12.2 Majlis berkenaan mengandungi sambutan perayaan agama lain.
- 12.3 Majlis berkenaan terdapat acara kebudayaan, nyanyian atau *hiburan*<sup>11</sup> yang bercampur baur dengan perkara-perkara yang bercanggah dengan syarak sama ada persembahannya atau seni katanya.

### 13. PENUTUP

Panduan Membaca Al-Quran Dalam Majlis Rasmi Dan Separuh Rasmi ini diharap dapat dijadikan rujukan panduan kepada pembaca-pembaca Al-Quran khususnya dan penganjur program rasmi dan separuh rasmi amnya khususnya di negeri Perak.

*Dikeluarkan oleh:*

**JABATAN MUFTI NEGERI PERAK**  
**Tingkat 5, Kompleks Islam Darul Ridzuan,**  
**Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,**  
**30000, Ipoh, Perak.**  
**Tel : 05 2545332 / Fax : 05-2419694.**

---

<sup>9</sup> Maksiat dari segi bahasa bermakna derhaka dan maksiat dari segi istilah ialah perbuatan yang membawa dosa iaitu yang bertentangan dengan akidah, syariat dan ajaran Islam sama ada dengan melakukan larangan Allah dan Rasul atau meninggalkan suruhan Allah dan Rasul-Nya, dengan kata lain melakukan yang haram dan meninggalkan yang wajib. Perbuatan tersebut memberi kesan kepada kehidupan seseorang dalam akidah, syariat ataupun akhlak (sila rujuk keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-39 yang bersidang pada 21 Sep 1995)

<sup>10</sup> Khurafat ialah semua cerita atau rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang dari ajaran Islam. Khurafat juga merangkumi cerita dan perbuatan yang direka dan bersifat karut atau dusta (sila rujuk keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-40 yang bersidang pada 9 Aug 1996).

<sup>11</sup> Hiburan yang diharuskan perlu memenuhi syarat-syarat berikut : i. Tujuan penganjuran nyanyian untuk kebaikan ii. Berpakaian sopan serta menutup aurat iii. Tidak bercampur aduk lelaki perempuan sehingga menimbulkan fitnah dan merangsang kemaksiatan iv. Senikata/ lirik bermutu dan tidak bercanggah dengan hukum syarak v. Tempat dan gaya persembahan yang tidak mengundang maksiat vi. Majlis yang melibatkan penyembahan dan atau memberi penghormatan kepada tugu atau patung.